

PETUNJUK EKONOMI DAN KEKAYAAN NEGARA

Chedet.co.cc

May 13, 2009

By Dr. Mahathir Mohamad

(Ini adalah rencana pertama di dalam siri mengenai aliran semasa yang membawa kepada krisis kewangan masakini. Rencana asal di dalam bahasa Inggeris telah disiarkan di dalam blog ini pada April 23, 2009)

1. Kita semua percaya bahawa negara-negara masyhur yang maju ekonominya memperoleh kekayaan menerusi pengurusan ekonomi yang pintar dan kemahiran dalam perniagaan. Mereka juga ternampak berjaya mentadbir negara mereka dengan baik.
2. Mereka telah mengadakan pelbagai petunjuk untuk menunjuk tahap kekayaan yang telah mereka capai. Dengan riaknya mereka membandingkan petunjuk-petunjuk ini, terutamanya pendapatan per kapita dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), dengan negara-negara miskin, untuk menunjuk bagaimana cekapnya mereka dalam menguruskan ekonomi mereka. Yang miskin tetap miskin kerana tidak belajar bagaimana untuk uruskan ekonomi negara mereka. Mereka ini boleh dianggap negara mundur.
3. Dakwaan negara kaya bahawa mereka begitu cekap dalam mentadbir dan mengurus hanyalah separuh benar. Benarlah mereka pengeluar barangan, pembekal perkhidmatan dan berdagang di dalam dan di luar negara. Tetapi kekayaan mereka daripada aktiviti-aktiviti ini tidaklah sebesar sebagaimana yang mereka gambar-gemburkan. Jika per kapita dan KDNK mereka berdasarkan hanya kepada perniagaan yang sebenar ini, mereka tidaklah sekaya seperti yang didakwa. Sudah tentu Amerika Syarikat dan Britain akan hampir bankrap.
4. Apa yang membolehkan mereka berjaya pertahankan petunjuk yang tinggi ialah kecerdikan mereka dalam berjudi dan memanipulasikan kewangan. Inilah yang memberi keuntungan besar kepada mereka dan membolehkan rakyat mereka menikmati tahap kekayaan yang amat tinggi.
5. Sebagai contoh, pasaran saham. Keuntungan kewangan yang diperolehi dalam pasaran saham tidak ada kena-mengena dengan perniagaan sebenar. Selalunya dividen yang dibayar amat kecil, berdasarkan kepada nilai asal saham. Oleh itu jika saham tersebut pada mulanya dinilai satu dolar, dividen sebanyak lima peratus hanyalah lima sen.
6. Tetapi jika terdapat permintaan yang banyak, saham satu dolar akan dinilai lebih tinggi daripada harga asal saham tersebut. Jika "harga pasar" saham ialah lima dolar, dividen lima peratus akan berikan pemegang saham hanya 0.5 % atau setengah sen dividen untuk setiap saham yang dibeli pada harga lima dolar. Ianya tidak akan membuatkan pemegang saham itu kaya.
7. Adalah lebih baik jika wang tersebut diletakkan dalam simpanan tetap dengan kadar faedah empat peratus, dengan itu lima dolar akan memperoleh kadar faedah sebanyak 20 sen.
8. Tetapi jika nilai saham naik, katakan daripada lima dolar ke enam dolar, pulangan ke atas pelaburan lima dolar adalah satu dolar atau 20 peratus. Tetapi nilai sebenar perniagaan tersebut dari segi aset tidak akan digambarkan pada nilai saham (dalam pasar) mahupun modal.
9. Jika perniagaan gagal ianya akan dinilai sebahagian sahaja daripada harga pasaran jika ianya hendak dicairkan (dijual).
10. Walaubagaimanapun aset (modal dan harta) tersebut mungkin bernilai lebih daripada harga pasar yang menjunam. Dalam pada itu pelabur (yang melabur semasa harga saham tinggi) akan kehilangan banyak wang yang dilaburkan (kerana kejatuhan nilai saham dalam pasar).

11. Jika pembeli membeli kesemua saham yang nilainya sudah merosot, ada kemungkinan dianya akan membuat untung dengan menjual asset (harta) perniagaan tersebut. Ini bukanlah satu jenis perniagaan, tetapi memang ada yang beli syarikat untuk meleraikan aset. Selepas itu tidak akan ada lagi perniagaan yang akan menyumbang kepada KDNK.

12. Yang jelas harga saham tiada kaitan dengan perniagaan yang dijalankan. Walaupun perniagaan maju, harga saham yang terlalu tinggi tidak membayangkan nilai sebenar atau keuntungan perniagaan. Harga saham sebenarnya palsu. Saham, yang pada dasarnya kepingan kertas telah menjadi komoditi yang tersendiri (untuk dijual beli).

13. Tetapi pelabur tetap boleh jadi kaya dengan membeli dan menjual saham. Sudah tentu mereka juga boleh kehilangan semua duit yang dilaburkan apabila saham merudum.

14. Harga saham juga boleh dimanipulasi. Menerusi jualan singkat harga boleh dinaikkan atau ditekan turun. Sekali lagi pergerakan harga saham tidak ada kena mengena dengan perniagaan sebenar yang dijalankan.

15. Pasaran saham bertukar menjadi kasino di mana pertaruhan berlaku walaupun ianya tiada kena mengena dengan perniagaan sebenar. Perjudian di negara-negara kaya ini adalah jauh lebih besar daripada nilai syarikat yang disenaraikan di pasaran saham. Tetapi keuntungan luar perniagaan ini tetap dihitung di dalam pendapatan per kapita serta KDNK.

16. Tetapi bukan ini sahaja kekayaan palsu yang menaikkan per kapita dan KDNK negara-negara kaya.

17. Hakikatnya ialah angka petunjuk per kapita dan KDNK tidak mencerminkan kekayaan negara-negara maju daripada perniagaan dan dagangan mereka. Jika ditolak pendapatan daripada jual-beli saham, daripada pinjaman sub-prime (yang lemah) bank-bank, gadaian dan insuran keatas hutang yang tak dapat dibayar, jualan matawang dan kegiatan dana lindung nilai, pendapatan per capita dan KDNK negara-negara maju akan berkurangan sebanyak 40 peratus (angka ini disebut oleh Obama). Ini bermakna per kapita Amerika Syarikat bukan US36,000 Dolar tetapi US21,600 Dolar.

18. Pendapatan per kapita Malaysia lebih tepat kerana kita tidak terlibat (setahu saya) dengan pinjaman sub-prima, dana lindung nilai dan lain-lain. Hari ini per kapita kita ialah US6,000 Dolar oleh kerana nilai tukaran Ringgit ialah 3.80 bagi satu dolar Amerika. Jika tidak kerana penyangak matawang Amerika menurunkan nilai Ringgit dari 2.50 kepada 3.80 bagi satu US dolar pendapatan per kapita kita sepatutnya 9 ribu hingga 10 ribu dolar Amerika.

19. Dari angka per kapita ini, kita tidaklah jauh ketinggalan dari kemajuan dan kekayaan negara-negara maju yang sebenar.

60 Comments

By HOT ZOOMAuthor Profile Page on May 13, 2009 12:47 PM

Salam,

Pertumbuhan dan perkembangan sektor ekonomi bergantung kepada tahap kestabilan sesebuah negara. Oleh itu para pemimpin adalah tonggak kepada kekukuhan ekonomi negara. Krisis politik yang tidak berkesudahan juga akan menyebabkan perkembangan ekonomi negara akan merosot.

Setiap kemelut politik perlu diselesaikan dengan kadar segera agar kadar kestabilan ekonomi negara tidak akan jatuh dengan teruk.

Siapa yang boleh lakukan?

Pemimpin kita.

<http://www.zoompanas2.com>

By OumonoAuthor Profile Page on May 13, 2009 12:52 PM

Taraf hidup kita yang mencerminkan keadaan sebenar kita Tun dan memang sebenarnya taraf hidup kita hampir sama dengan negara-negara maju.

Hazman Abu Bakar

By Jeffry Suresh Abdullah Author Profile Page on May 13, 2009 12:58 PM

Assalamualikkum Dr.Mahathir and Dr.Siti Hasmah,

I'm Jeffry Suresh bin Abdullah.

Wish you both are cheers as always!

1.For me America,Great Britain and so called thier smart partnership alliens are total crabs. The retired 'Blair The Liar' and 'Hiding In The Bush' should register with you as students and learn how to manage the finance and the country well.

2.You, an Alor Star boy have stood alone among all other countries in the world, fighting as a great warrior,won the battle and saved our kingdom from disasters.

3.Since Bush name BUSH, I think naturally he like to hide many things in the bush. As he did hide honorouble so called MAD madoff.He likes to hide many other things in the bush too.Like the Guatanamo Bay.His alliens are the blooming bushses that watered by them.These are thier smart partnership and allies...so called.

4.They should be ashamed and hang themselves in the Saddam's gallow as they lost to your humble, patience and intelligence that lead you become THE REAL GREAT LEADER.

5.OTHER POINTS about Bukit Selambau and Bukit Gantang election result:

My sick father(serious lungs problem)in Taman Bandar Baru Sungei Lalang said he went out for voting simply because you attended the campaign.

2.So, truth is majority still love you.Its just that the RUST that left by previous goverment in people's heart are hard to brush away.Keep trying in Penenanti. You always a successful factor.Never ever a failing factor.You had proved it by being 22 years rakyat selected leader. That statistic won't lie.

Humble Note:Your great fan has given me PA Mr.Sufi Mobile number.Let's see if Im blessed to meet you at any occation.Just for a loving hug.

Cheers always!

Jeffry Suresh bin Abdullah and wife, Hafizah Binti Yaani

By pips2u Author Profile Page on May 13, 2009 12:58 PM

Saya rasa harga saham di New York Stock Exchange dan negara kaya lebih kepada menunjukkan keuntungan sebenar syarikat berbanding harga saham di negara kecil dan tidak maju. Contohnya harga saham di bursa Malaysia -- syarikat yang sedang rugi dan tiada earning pun harga saham naik. Saham di negara seperti Malaysia yang banyak terdedah kepada manipulasi harga kerana saiz jumlah saham kita kecil dan mudah di "korer" oleh individu2 kaya. Oleh kerana saiz mereka yang besar, NYSE dan juga global Forex market tidak boleh di "corner" oleh individu termasuk George Soros.

By sewarkuning Author Profile Page on May 13, 2009 1:09 PM

Salam sejahtera Daddy Tun,

Kebarangkalian blok2 negara gergasi ekonominya seperti Amerika dan Britain sering kali memanipulsaikan pasaran mata wang dunia kerana mereka bebas mencetak mata mereka hanya dengan kepingan kertas tanpa kita ketahui apakah sumber aslinya yg sebagai galang ganti keatas

cetakan kertas tersebut.

Dengan lambakan cetakan kertas tersebut juga mereka mencipta sesuatu perniagaan tanpa dilihat secara fizikal barangan apa yang diniagakan tersebut. Makanya mereka begitu mudah melakukan kerja-kerja memanipulasikan sesuatu perdagangan melalui elektronik secara pasaran saham sehingga timbulnya kegiatan perjudian melalui cetakan-cetakan kertas tersebut.

Malangnya kita sendiri terutama negara-negara islam pengeluar minyak telah terpengaruh dan terperangkap dengan tipu helah mereka yang mana kita semua sering jadikan USD sebagai mata wang rujukan setiap perdagangan yang dijalankan dan perdagangan tersebut ternyata adalah satu penipuan melalui permainan mereka secara elektronik dalam aktiviti jual beli saham.

Justeru sudah sampai masanya idea Tun terdahulu iaitu menggunakan DINAR EMAS bagi menggantikan sistem matawang ciptaan Yahudi diguna pakai pada setiap transaksi perdagangan yang dijalankan. Mungkin juga DINAR EMAS boleh dimulakan didalam subjek matapelajaran di peringkat persekolahan lagu agar ianya lebih mudah difahami utk digunapaki generasi akan datang.

Terima kasih kerana Tun mengupas persoalan ini dengan details dan gaya bahasa yang sangat mudah difahami. Saya mendoakan kehadiran Allah swt agar Daddy Tun sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik dan daya minda yang lebih tajam. Masyarakat Islam di dunia masih memerlukan idea-idea Daddy tun. Sekian daripada saya.

By buntatAuthor Profile Page on May 13, 2009 1:14 PM

penyangak matawang dan pelabor2 yang bijak memanipulasi pasaran saham itu sebenarnya adalah pembunuh utama ekonomi bagi negara2 kecil dan sederhana

mereka dengan rakus membolot dan mempermainkan hasil usaha negara yang sedang bangun.

namun di malaysia, orang x kesah sangat dengan hal2 antarabangsa yang akan menentukan nasib ekonomi, orang lebih suka kumpul ramai2 di jalanan kemudia terpekik-pekik menegakkan idealogi masing yang sesat

macam mana negara nak maju?

By pakpandir08Author Profile Page on May 13, 2009 1:18 PM

seorang budak sekolah yg mempunyai pencapaian akedemik yg sederhana mengeluh dengan ibu-bapanya ... dibawah ini adalah perbualannya:

- (1) sebenarnya, budak jiran sebelah rumah kita yg mencapai keputusan cemerlang itu tidaklah sebijak mana yg disangkakan
- (2) bapa budak itu kaya, sebab itulah dia dapat keputusan yg baik. Kita ini miskin, boleh difahamkan itu satu faktor menyebabkan saya tidak boleh skor dalam peperiksaan
- (3) kata orang, budak sebelah itu curi tengok semasa peperiksaan, sebab itulah dia dapat keputusan yg baik berbanding dengan saya
- (4) sarapan pagi budak itu lebih istimewa, ada susu, ada telur dan ada cheese juga. Sarapan saya roti kosong saja, sebab itulah dia dapat fikir dengan baik dan mempunyai keputusan baik
- (5) bermacam-macam lagi alasan yg dilemparkan untuk memberi alasan mengapa dirinya mundur berbanding engan orang lain ...

entahlah hingga bila baru dapat kita mengikis perasaan dengki yg asyik suka mengecam orang lain agar sendiri berasa selesa dengan keadaan kita sendiri yg kurang upaya ...

nak maju dan berjaya? usahalah tekun sedikit dan bukannya asyik menuduh jari kepada orang lain, seolah-olah hanya kitalah manusia yg paling mulia di dunia ini ...

By PakAjiLehaAuthor Profile Page on May 13, 2009 1:22 PM

Assalamualaikum Tun;

Thanks sbb selalu kongsi ilmu bersama.

Memang 'permainan' kewangan ini akan berterusan sampai bila-bila jika kita terus bergantung kepada US Dollar.

Satu ketika dulu, seingat PakAjiLeha, Tun ada cadangkan nilai tukaran matawang RM ke atas Dinar Emas. Tapi, sampai sekarang, setahu PakAjiLeha, tiada khabar berita mengenai idea bernas tersebut.

Harap-harap idea Dinar Emas itu akan ditimbulkan semula selepas ini.

Mungkin ada PRO dan KONTRA. Tapi lebih elok apply jika banyak kebaikan dari bergantung ke atas US Dollar.

Harapan kami (rakyat di peringkat sederhana dan bawahan) agar ekonomi Malaysia akan menunjukkan tahap positif dibawah tunjuk ajar Tun ke atas kerajaan sekarang. Insyallah...

By ani_dipsyAuthor Profile Page on May 13, 2009 1:26 PM

salam Tun,

kurang faham mengenai per kapita nih...

By njAuthor Profile Page on May 13, 2009 1:47 PM

Yang Berbahagia Tun,

Sekali lagi saya memohon izin ruang di laman Tun untuk saya selitkan permohonan saya kepada semua warga negara untk menyertai kempen Satu Sekolah Untuk Semua dan menyatakan sokongan masing-masing di sini.

Tun pernah menulis "Common language is the key to Unity" (lebihkurang begitu) dalam The Malay Dilenma (Chapter 6 - Bases of Unity) dan Y.B. Mukhriz Mahathir juga pernah menyatakan pendiriannya terhadap Sekolah Vernikular.

Sdr. KijangMas dan Komuniti Demi Negara telah memulakan kempen Satu Sekolah Untuk Semua dengan memajukan satu Memorandum kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran. Ini adalah kerana Bahasa itu Jiwa Bangsa dan ianya perlu dipupuk dari bangku sekolah lagi demi mencapai Satu Bangsa Malaysia yang utuh dan bersatu padu.

Sokongan Y.Bhg. Tun amatlah besar maknanya dan impaknya terhadap usaha dan kempen yang sedang dilakukan oleh Sdr KijangMas dan Komuniti Demi Negara.

Sekian, saya amat berharap Y.B. Tun dapat mengizinkan laluan di sini - Demi Negara -

Salam Sejahtera,

"SATU BANGSA, SATU NEGARA, SATU BAHASA"

NJ

By njAuthor Profile Page on May 13, 2009 1:53 PM

Y.Bhg. Tun,

Maaf, saya terlupa tadi untuk meminta izin Tun supaya memberi izin lalu pada komen saya di atas walaupun ianya lari dari topik yang sedang diperbincangkan di laman Tun ini.

Saya cuma ingin mengambil kesempatan terhadap ramainya pengunjung di blog Tun ini.

Salam Sejahtera, dan setinggi terimakasih kepada Tun.

"SATU BANGSA, SATU NEGARA, SATU BAHASA"

NJ

By FalconAuthor Profile Page on May 13, 2009 2:25 PM

Salam, Tun dan famili,

Melihat kepada perkembangan dunia sekarang, dilihat dunia semakin hari semakin penuh pergolakan. Abad ke 20 menjadi bukti kebongkakan manusia sehingga tercatat peristiwa hitam dalam sejarah manusia iaitu Perang Dunia 1 dan 2. Belum lagi dikira peristiwa pahit bagi seluruh umat Islam di mana jatuhnya Empayar Islam Turki Uthmaniyyah. Idea yang membawa kepada pengukuhan dan penyatuan Umat Islam baik dari segi ekonomi, politik dan sosial merupakan sesuatu usaha yang saya yakini amat diredhai oleh Allah S.W.T. Idea memperkenalkan dinar emas adalah suatu yang amat menarik. Jika seluruh umat Islam bersatu dan bekerjasama saya yakin bukan akan menyebabkan kaum bukan Islam membenci umat Islam, malahan mereka akan kagum dan tertarik untuk mendalami Islam. Saya yakin abad ke 21 akan menjadi milik Islam. Allah sendiri berfirman di dalam Al Quran bahawa pertolongan Allah adalah amat dekat, oleh itu inilah masanya kita semua membentuk satu bentuk pasukan yang benar-benar ampuh dan padu. Wassalam

By Dr.Siddiq AzaniAuthor Profile Page on May 13, 2009 2:37 PM

salam tun.

kita semua berterima kasih kepada tun dengan apa yang telah tun lakukan kepada ekonomi negara. sesungguhnya budi tun tidak dapat kami balas. tun, jika tun free, boleh kah tolong cerita pengalaman tun sewaktu hendak membeli syarikat plantation milik british seperti sime darby dan guthrie? saya ingin tahu cerita itu dengan lebih detail sendiri dari tun sendiri. terima kasih tun. salam pada maizura dan bonda tun siti hasmah.

dengan izin tun,

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2009/05/12/penjelasan-bahawa-nizar-bukan-mb-yang-sah/>

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2009/05/11/mahkamah-mungkin-silap-nizar-bukan-mb-lagi/>

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2009/03/23/60-billion-stimulus-package-thumbs-down/>

By faroshamAuthor Profile Page on May 13, 2009 2:44 PM

Asmlkm,

Tun, bgmana caranya kita nak pulihkan semula kadar RM lebih tinggi dari sekarang nie?

By FalconAuthor Profile Page on May 13, 2009 3:00 PM

Salam,

Nantikan akan bermulanya era kebangkitan Islam. Takbir Allahuakbar! Islam forever!!!

By pakbelalangAuthor Profile Page on May 13, 2009 3:33 PM

KUALA LUMPUR, May 12 (Bernama) -- Datuk Seri Jean Todt, the former executive director of Formula 1 Ferrari, has been chosen as Tourism Malaysia's ambassador for a year.

comment:

Hopefully, he will promote Malaysia by bringing in more "quality" tourists to Malaysia who can spend thousands of ringgit by enjoying their stay here.

Tapi kalau public toilet tak berseh pun tak guna juga. Pemandu teksi perangai macam penyangak.

Peragut berleluasa. Mat Rempit bermaharalela di jalan raya tiap malam Sabtu. Ini semua akan menggagalkan segala usaha untuk menarik pelancong ke Malaysia.

Safety, courtesy, honesty and cleanliness are very important aspects in order to make tourism industry a big business for the country.

By Nothing but wind Author Profile Page on May 13, 2009 3:52 PM

Dear Tun Dr M,

Yes, of course, the west invented various things and discovered various scientific medicines and equipments. I still remember that these products and services from the west were very expensive. We, east, have no choice since the west were monopolizing the market.

That is why the ordinary westerner is able to have a luxurious life (according to eastern standard). Even if he is a postman, he is able to go overseas for holiday every year.

So much so that the government and the corporations in the west set high standards for the remuneration of their workers when they clearly know that his counterpart in the east earns only as low as 10%.

Now that we have China, Japan and India who can produce the same goods at a very cheap cost. The west has no choice but to open up regional plants and branches. A lot of branded products are now coming from China.

Now only those products specifically from the west are costly. It is very obvious that the bulk of the cost for them is the cost of labor.

It is a known fact that a bottle of beer is cheaper than a cup of tea in England (due to high labour cost).

By Nothing but wind Author Profile Page on May 13, 2009 3:53 PM

Dear Tun Dr M,

Yes, of course, the west invented various things and discovered various scientific medicines and equipments. I still remember that these products and services from the west were very expensive. We, east, have no choice since the west were monopolizing the market.

That is why the ordinary westerner is able to have a luxurious life (according to eastern standard). Even if he is a postman, he is able to go overseas for holiday every year.

So much so that the government and the corporations in the west set high standards for the remuneration of their workers when they clearly know that his counterpart in the east earns only as low as 10%.

Now that we have China, Japan and India who can produce the same goods at a very cheap cost. The west has no choice but to open up regional plants and branches. A lot of branded products are now coming from China.

Now only those products specifically from the west are costly. It is very obvious that the bulk of the cost for them is the cost of labor.

It is a known fact that a bottle of beer is cheaper than a cup of tea in England (due to high labour cost).

By babwahid Author Profile Page on May 13, 2009 4:14 PM

Assalamualaikum Tun,

Sedap juga baca article Tun mengenai perniagaan pasaran saham nie. Tapi saya tetap tak faham bagaimana pasaran saham di niagakan hingga boleh orang jadi kaya raya dan jatuh miskin. Apabila saham naik pelabur bukan main gembiranya, tetapi bila jatuh.. macam orang gila jadinya. Kemana wang berjuta-juta dolar itu di belanjakan...

Saya harap Tun terus membuat kajian dan memaparkan di blog Tun nie kepada rakyat Malaysia mengenai buruk baik main saham, agar mereka tahu bahawa mereka nie di dimainkan oleh simanipulasi. Saya percaya masih banyak perkara yang kita belum sedar . Wal hal negara kita nie kaya dengan sumber asli . Cuma kita tak tahu macam mana nak usahakan. Pada saya Tun saorang insan yang luar biasa . Tun sahaja yang dapat mengupas semua penipuan yang berlaku sekarang nie dan mempunyai pengikut yang ramai. Semoga Tuhan panjangkan umur Tun dan sehat selalu.
By ParpuKariAuthor Profile Page on May 13, 2009 4:59 PM

SALAM AYAHANDA TUN,

ANAKANDA NAK MINTAK IZIN SIKIT UNTUK MENCERITAKAN PASAL NEGERI PERAK!

KEPADA SESIAPA YANG NAK TAU APA YANG BERLAKU DI PERAK SILA KLIK DISINI

<http://parpukari.blogspot.com>

SAYA MEMBONGKARKAN SEMUA KEMUNGKARAN YANG DI BUAT OLEH PAKATAN PEMBANGKANG!

SEGALANYA BERFAKTA!

By NASHAuthor Profile Page on May 13, 2009 5:09 PM

SALAM TUN,

SAYA NAK TAHU APA DAH JADI DENGAN AGIHAN SAHAM HAK BUMIPUTRA? SUDAH TERLALU LAMA TIDAK DENGAR CERITA. SIAPA YANG SAPU AGIHAN TERSEBUT? TAK GUNA KITA CERITA SAHAM TURUN NAIK, SEDANGKAN HAK BUMIPUTRA LENYAP BEGITU SAHAJA.

NASH

By kzhAuthor Profile Page on May 13, 2009 5:36 PM

Dear tun,

Memang tidak dinafikan barat lah yg telah mencipta ekonomi jenis ini bukan dengan tujuan amal tetapi ternyata ianya hanyalah untuk kepentingan dan keuntungan mereka sahaja dan sekarang seluruh dunia menggunakan sistem ini. Even if its sounds dirty seperti tun katakan dgn menggunakan perkataan seperti judi dan manipulasi kewangan, semua nya dibuat untuk menjaga kepentingan sendiri. Semua orang nak jaga periuk nasi masing dan setengah orang mempunyai selera yang besar. Jadi dalam kes ini saya rasa nak salahkan mereka pun kita masih juga menggunakan sistem seperti ini.

Jadi fikiran saya daripada kita membuang masa berbincang perkara yang sudah terlambat lebih baik kita tumpukan perhatian bagaimana hendak menggunakan sistem ini dengan lebih baik. How to use this to our advantage.

Bagi saya mereka (barat) menggunakan sistem ini kerana mereka tidak mempunyai natural resources yang banyak seperti negara lain. Terbukti bila mereka menggunakan 'paper money' untuk memanipulasi kewangan ekonomi. We can use this to our advantage.

Tun i think we should sit down and talk about this. There are some things that we can discussed. I hope you are aware of another potential partner to Malaysia which is Aceh. I know there are some differences and past history with their leader. I've already met him. I have some projects ongoing there which might interest Malaysia.

Hope tun will consider this. Thank you
kzh

jerrios[at]gmail.com

By Rimba Emas Author Profile Page on May 13, 2009 6:07 PM

Salam buat Tun berdua moga dirahmati Allah s.w.t.

Saya telah memberi pendapat kepada Tun ketika Tun menulisnya dalam Bahasa Inggeris. Kini Tun menjelaskan lagi lebih 'detail' dalam Bahasa Malaysia. Saya tengok ada sedikit pertambahan untuk tujuan penjelasan dalam bahasa ibunda kita. Jelas ke 'Malayuan' TUN tidak terjejas oleh bahasa penjajah kita dulu.. malah satu aset kepada Tun tidak boleh dikotak-katikan oleh barat.

Begitulah juga dalam ilmu perakaunan.. dulu ketika krisis ekonomi.. Tun berjaya mengatasi dengan kerjasama anggota Majlis Tindakan Ekonomi dengan idea Tan Sri Nor Yaakop iaitu penerapan nilai ringgit. Tan Sri Nor Yaakop seorang kelulusan akauntansi barat naungan (Khatolik) kalau silap maafkan saya.. sudah tentu faham selok belok perekonomian barat ini.

Allah s.w.t telah mengingatkan kita kaum-kaum Yahudi, Nasrani telah menolak menyembahnya. Sebab itu mereka menolak seruan Nabi Muhammad s.a.w menyembah kembali Allah s.w.t. Mereka menolak Al-Quran sebaliknya menggunakan Injil yang telah dirobah oleh salah seorang pengikut Nabi Isa a.s bernama Paulus.

Disini jelas golongan ini memang suka merobah sesuatu yang asal mengikut kehendak mereka. Jadi pastilah asalnya ilmuan Islam seperti al-Biruni dan lain-lain lagi telah diciplak oleh mereka dan membuang ilmu-ilmu kerohanian (milik Allah s.w.t) dan berlakulah percampuran teori-teori serta amalan-amalan kejadian manusia dan alam semulajadi.

Islam mempunyai tiga golongan musuh iaitu syaitan, golongan kafir dan golongan munafik. Semua ini terahsia didalam hati yang hanya dapat dihakimi oleh Allah s.w.t. Jadi fahamilah sendiri dari siapakah kita dapatkan ilmu itu yang melayakkan kita dalam kerjaya kita.. adalah malang kata-kata imam mahzab dan pemimpin-pemimpin kita utamakan dari kata-kata Allah s.w.t yang terunkap dalam Al-Quran.

Allah s.w.t yang menjadikan kita... setiap permasalahan adalah ujian untuk menilai keteguhan kepercayaan serta kepatuhan kita.. yang mana satu perlu di dahulukan kehendak Allah s.w.t atau sahabat.. pemimpinmu.. hartamu...

wallahua'lam

By owlz Author Profile Page on May 13, 2009 8:05 PM

Salam alaik Tun... Its me again...

How about if Malaysia uses the elements of a national economy where products are offered at a natural price generated by the use of competition, supply and demand, and the division of labour... But dont use capitalism as a system... No division of labor between worker and capitalist, in which means no separation between product from the direct producers and no ownership by a parasitical capitalist class... No capitalism... We can see too much dependency to capitalism has led the declining living conditions of the working class and would drive workers to collectively fight back as

part of a class struggle... The fight of this class is going to create a dissatisfaction, higher crime rate, employee strike as a protest, lost of confidence to the government, lower productivity in business environment and a lot of bad things will happen in a few years after this. Trust me... Its not compulsory for us to establish non-monetary economic system... It just we have to get back into the rules of ancient economy which was mainly based on subsistence farming, and industrial revolution period

economy where more extensive and monocultural forms of agriculture in

the last three centuries... The economic growth took place mostly in mining, construction and manufacturing industries... These two periods (ancient age and industrial revolution age) are going to generate pure money and legitimate economy... No dishonest, no deceiving, no deception, no fake and surely only genuine economic activities would be conducted... In this genuine condition, a real entrepreneur will be born who assumes significant accountability for the inherent risks and the outcome... The real entrepreneur can act like a true man in combining the land, labour, and

capital to create and market new goods or services - a true business where leadership, management ability, and team-building going to take place... As a result, the nation will be blessed with the high respect, honor and pride when entrepreneurs emerge from the population on demand, from the combination of opportunities and people to take advantage of them... To make it much more knowledgeable, just specify as a compulsory for thousands of all our graduates to learn the central of a finance - behavioral finance. They will learn things like empirical studies that demonstrate significant deviations from classical theories, models of how psychology affects trading and price, and forecasting based on these methods... Then we will see, how our nation is going to be a giant...

p/s: Salam from the supporters of Tun.

-University of Malaya, Electrical Engineering Department-

Mail me if anybody wants to be my friend - khalif_reengine@kittymail.com.

.

By rarunasalam Author Profile Page on May 13, 2009 8:35 PM

Tun

what about crooked Politicians making money for themselves out of thin air.

Naturally they have to be high ranking and be able to create policy, else there is no mechanism to generate that financial stimulus for self.

They should be able to call for "nation building" infrastructure projects, organise monopoly for state sponsored enterprises plus ensure a premium is paid for quality lacking products and services produced by the state sponsored enterprises.

They should be able to bail out flailing state sponsored enterprises after having initially placed irresponsible and self-serving individuals as heads of those enterprises.

They should be able to bail out family members and close friends from bad business decisions using state reserves especially as they too may be stakeholders in those very business.

I'd like to hear your thoughts on how these kind of "self serving" habits have also contributed to the present economic climate

Thanks in advance for your next article on this topic Tun - you are quite qualified to write on this given

your vast experience in your 22 years as PM of our great nation.

(Ravi)

By Mohd FariedAuthor Profile Page on May 13, 2009 9:55 PM

Salam Tun dan Toh Puan,

Memang benar apa yang di katakan oleh Tun,
Sebenarnya Tun, dunia USA ekonomi penipu ni bukan aje pada subjek ekonomi tetapi pada subjek politik, sains dan pentadbiran barat...yang penuh dengan penipuan.

Saya ada melihat ASTRO tentang cara siasatan di lakukan ...semunya menunjukkan kan bahawa meraka cukup hebat, cukup tarel bolah dapat penjenayah dengan saintifik dan macam mana orang putih boleh kesan jenayah dan macam mana orang putih ada ubat penawar virus yang mengancam dunia dan meraka ada teknologi canggih! Semuanya penipu!

Last-last tak dapat cari jawapan terus tuduh orang Islam yang lakukan jenayah! Lain tiada, semuanya orang Islam! Orang Islam Penjenayah dunia! Paksi kejahatan! dan negara pengedar dadah di dunia!

Inilah propagandan barat dan orang putih!

Mereka tak boleh terima, mereka sebenarnya bodoh dan kurang bertamadun dan sudah tiada adap dalam hidup. Sex bebas sana sini, sex yang membawa penyakit berjangkit, sex luat tabie, sex luar rumah tangga dan oleh itu bergaduh rumah tangga dan berlaku pembunuhan manusia yang tidak berdosa. Inilah cara hidup orang putih!

Mereka cuba mempermainkan otak dan pemikiran manusia. Mereka cuba memperbodohkan umat Islam jangan guna DINAR EMAS dalam urusan perniagaan, jangan guna EURO dan mata yang asing bersaing dengan Doller Amerika. Nilai mata wang mereka sudah jatuh dan tiada value.

Bantuan kerajaan Amerika kepada syarikat-syarikat besar menunjukkan bahawa mereka orang putih tidak pandai tadbir kewangan, banyak boros, banyak menipu dalam buat buku kira-kira akaun syarikat. Semua nampak cantik di luar tetapi isinya kosong dan hodoh!

Baru nak siasat! Mana badan dan jabatan kerajaan dia yang hebat-hebat tu? Mana kakitangan mereka yang pandai-pandai? Senang aje mereka ni semua dah tahu tapi dah kena rasuah! Tutup mulut!

Mereka sahaja meletak tanda aras pada negara-negara yang bagi mereka mundur dan musuh tetapi reality mereka dengki, mereka cemburu dengan negara tersebut, kerana tidak tunduk terhadap arahan mereka. USA tak suka tengok negara itu makmur, maju dan iri hati negara tersebut ada sumber asli yang kaya.

Tun tq kerana ubah mood saya kepada dunia luar....saya dah bosan dengan politik tanah air yang tak abis-abis bercakap sana sini. Langsung tak buat kerja!

HIDUP TUN! HIDUP TUN! HIDUP TUN!

By mushashiAuthor Profile Page on May 13, 2009 10:05 PM

cuma terpikirkan tentang krisis minyak dan makanan yang berlaku sebelum ini...

adakah pasaran dalam bentuk gelembung spekulasi mempengaruhi harga sebenar dalam pasaran pengguna?

**sejauh mana spekulasi bidang politik terkait dengan spekulasi bidang ekonomi?

**bagaimana untuk memastikan spekulasi bidang politik (contoh seperti di iraq) tidak membabitkan

spekulasi ekonomi?

cuma terfikirkan harga sebenar minyak tanpa spekulasi...

By ttlebonAuthor Profile Page on May 13, 2009 11:05 PM

Salam Tun & Bloggers,

Apakah pandangan Tun terhadap kemelut politik di Perak. Bagaimanakah keadaan ini akan membantu pembangunan negeri Perak dan negara Malaysia.

By hazrinAuthor Profile Page on May 13, 2009 11:40 PM

Assalamualaikum pembaca-pembaca Che Det,

Tajuk Ekonomi ini memang Syok, kalau cerita, payah nak habis, saya cuba ringkaskan..... Kita perlu faham, sebab sekarang nak kena batang hidung kita.

Takrifan Kadar Keluaran Negeri Kasar bermaksud keseluruhan perbelanjaan, ini merangkumi

$KDNK = \text{Perbelanjaan Domestik} + \text{Perbelanjaan Pentadbiran} + \text{Eskport} - \text{Import}$.

Kesemua perkara di atas diukur dengan penggunaan wang kertas di pasaran. Sekiranya kita bawa Nyiok pergi pasar, katalah sepuluh biji, kebetulan jumpa tauke ayam di pasar yang ada jual santan, bila Nyior ditukar dengan ayam, walaupun boleh dinilai transaksi tersebut berharga RM10, ia tidak di kira dalam KDNK.

Saya tidak pasti pula perkiraan KDNK Kementerian Perindustrian apabila buat pertukaran barter dengan negara India ; Minyak kelapa sawit ditukar dengan kepakaran IT mereka, adakah dikira dalam KDNK. Bila depa kata KDNK naik atau turun dia kira rangkum semua setahun seluruh perbelanjaan di atas. Kerajaan pun nak bagi adjust KDNK ikut formula di atas, dia bagi orang kerajaan naik gaji, perbelanjaan pentadbiran akan bertambah. KDNK pun dapat diadjust.

Sementara KDNK per Kapita bermaksud, keseluruhan KDNK bahagi dengan seluruh penduduk Malaysia. Bila Che Det kata KDNK perkapita kita 2009 ialah US\$ 6000 setahun ini bermakna RM 20,400 (1US\$ = RM3.4), juga bermakna pendapatan rakyat Malaysia purata sekali dengan anak-anak kita ialah RM 1680 seorang/bulan. Dengan KDNK perkapita RM1680 seorang/bulan. Katalah sebuah keluarga dengan 5 orang ahli keluarga, jika pendapatan RM8400/bulan, keluarga ini bukan golongan kaya, keluarga ini juga dikira golongan pertengahan. Pembaca Che Det boleh kira ka, kita ni golongan mana??

Saham-saham dah sah menipu macam Che Det kata, urusanniaga saham ini menilai asas perniagaan mereka dengan Harta, Tunai dan tanggungan mereka. Selain itu dikira potensi (GoodWill) perniagaan mereka, tang ini yang susah nak nilai. Jangan kata Saham syarikat besar. Kalau kita jual goreng pisang, kira berkongsi dua kepala, buatlah akaun baik sekali pun, bukan senang nak puaskan hati dua-dua kepala, nak bagi tepat lagilah susah, kira tak habih....., orang meniaga enterprise atau Sdn Bhd diajak dalam dunia Keparat, Akaun ada 3 jenis, 1) Akaun nak tunjuk bank bagi untung, 2) Akaun nak tunjuk Cukai bagi untung sikit 3) Akaun Sebenar untuk kita perbaiki operasi. Kita semua tahu, apabila kita tipu akaun atas akaun tipu, kita tidak akan dapat kira Akaun sebenar.

Saham ni, lebih teruk dari Judi, Judi dah sah Haram, kira nasib dengan kebarangkalian Dadu, Kad dan sebagainya. Saham ini, saja-saja nak bagi orang tipu kita dengan akaun entah mana hala, Skandal di Amerika Enron Okt 2001 dan WorldCom Jun 2002 yang melibatkan penipuan Akaun syarikat telah mengheret sejumlah wang besar iaitu masing-masing pada US\$600 billion dan US\$64billion. Bank-bank yang penuh dengan bijak pandai pun kena tipu.

Perbandingan Per Kapita yang Tun buat dengan menyalahkan penyangak matawang kita dari 1US\$ dari

RM2.50 ke RM3.8, tidak mempunyai makna. Nak bagi tinggi KDNK per Kapita sekali pun, barang keperluan sentiasa meningkat. Makanan, minuman, elektrik, air dan rumah sentiasa meningkat. Kebergantungan kita terhadap import makanan masih lagi disekitar RM6 billion defisit(Kurang).

Mengejar petunjuk ekonomi seperti yang ditetapkan oleh Yahudi, akan memastikan kita menjadi binatang Ternak Yahudi. Kita menjadi buta nikmat apabila kita membelakangkan keperluan asas, sedangkan pada tahun Millinium ini, Teknologi yang kita bayar mahal pada tahun-tahun 70,80 dan 90an, sekarang menjadi murah, kereta, video, Handphone, Hifi dan pelbagai produk teknologi benda mati yang juga berupa barangan tidak perlu untuk kehidupan manusia.

Tulisan ini bukan mengatakan pembangunan material tidak perlu, Che Det akan cerita dalam catatan Ekonomi-4 tentang matawang. Bahananya ialah kita bangun teknologi material dari matawang yang tidak bernilai. Setiap pembangunan perlu dibangunkan dengan matawang sebenar. Untuk mudah faham, matawang selepas tahun 1971, upah kerja dikira sebagai " Makan dulu baru Kerja". Jika matawang berasaskan bahan yang bernilai, dalam bahasa mudah " Kerja dulu baru makan".

Inshaallah, Saya akan lampirkan beberapa catatan ekonomi yang saya catat terdahulu untuk blog Che Det.

Hazrin

By roslidinAuthor Profile Page on May 14, 2009 12:01 AM

Kisah Apek jual sayur dengan Pakcik makan gaji.

Pakcik : Apa macam apek .. niari berniaga ada untong ?

Apek : Berniaga hali hali untong .. kdg2 untong sikit kdg2 untong banyak. Melayu berniaga tak ada pandai .. susah untong.

Pakcik : Hehehehe .. tidak apa lah kita makan gaji sama kerajaan .. sikit2 pun tiap2 bulan ada untong sikit.

Apek : Itu macam sampai bila2 pun talak boleh jadi kaya.

Pakcik : Hehehe .. tak apalah kasi itu bayam 20 sen.. cili 10 sen.
Besok jual murah sikit lah apek. Bye-bye.

Bertahun-tahun kemudian

Pakcik tidak lagi tinggal dirumah sewa lagi tapi tinggal dirumah teres hasil dari wang simpanan EPF. Harga rumah melambong .. dapat lah Pakcik naik taraf dgn membeli rumah yg lebih besar dan selesa. Nsib kalau lebih baik .. dapat juga rumah banglo.
Terima Kasih pada kerajaan kerana mengadakan skim EPF.

Apek pula maseh tetap seperti dahulu dan mengakui selagi menjual sayur selagi itulah kehidupan tetap sama.

Lebih baik bekerja makan gaji dari menjadi peniaga yg tidak pandai berniaga walaupun ada keuntungan setiap hari.

Alangkah baik nye kerajaan adakan kawalan pembinaan rumah berlebihan agar menguntongkan majoriti yg bekerja makan gaji.

Harga rumah naik rakyat berEPF pun jadi senang.
Tarf kemiskinan dapat dikurangkan.

Betul tak Dr.M

Salam dari saya.

By etp2020Author Profile Page on May 14, 2009 2:41 AM

Mencari kekayaan datang dengan usaha yang gigih, strategi yang betul di samping kepakaran ilmu di dalam sesuatu bidang. Rezeki Allah Maha Luas yang ditaburkan seluruh alam pelusuk dunia ini. Orang yang berilmu sahaja ler yang boleh mengaut banyak rezeki itu. Orang yang tak berilmu terus di himpit kesusahan contohnya menggunakan ilmu mengaut emas dengan menggunakan cara tradisional melombong mas sudah tentu lain hasilnya. Jadi berusaha mencari ilmu secara bersungguh2.

www.hotmember2u.com

By WahidoAuthor Profile Page on May 14, 2009 5:40 AM

Yes..saya rasa senang faham tentang ekonomi dgn penerangan TunM ini. Terimakasih kepada TunM. Satu soalan saya kepada TunM...adakah DS Anwar Ibrahim (sewaktu menjadi Menteri Kewangan - sewaktu kegawatan ekonomi 1997) boleh dianggap seolah2 main judi dgn Soros dgn cara membeli US\$ dan mengharapkan RM menjadi kukuh. DS Anwar telah kalah dgn Soros dan wang pertaruhan adalah wang rakyat Malaysia. Saya benar2 kagum dgn TunM dgn cara memulihkan ekonomi Malaysia dgn cara tetapkan pertukaran RM dgn US\$ dan sekaligus pedagang2 luar matawang tak boleh menipulasikan RM. Adalah salah dan tak beretika bank-bank/pedagang2 mata wang di Singapore menerima RM sebagai simpanan dan memberi pulangan faedah yg tak munasabah.

Terimakasih kepada TunM dan saya doakan supaya TunM sentiasa sihat dan diperpanjangkan umur....Saya pasti majoriti Rakyat Malaysia dari berbagai kaum masih memerlukan buah fikiran TunM utk terus maju ke hadapan.

Wahid Abdul - ALEPS

By edwinAuthor Profile Page on May 14, 2009 8:16 AM

You are not 100% correct at calling it a fake economy. Yes, in essence money is conjured from thin air through mathematical formulas and reasonings but....because everyone believes in it, it makes it real. Just like Charting strategies in trading. No one can predict the market. But with some charts and some lines drawn here and there and also because millions believe in 'reading' charts, it becomes real. It is like religion who can really say they have seen god, Allah, Buddha, Jesus, etc? But the masses make it a reality.

So a real economy is providing services and products, you say? But who makes a potato worth \$0.50? who makes a car worth \$135K?

The people. In essence a potato is free. and a car is just scrap metal made to appeal.

By joeyAuthor Profile Page on May 14, 2009 10:40 AM

negara semakin kaya , tapi bagaimana dengan rakyatnya..... renung-renungkan

By mvstaffaAuthor Profile Page on May 14, 2009 11:31 AM

Salam Tun & Keluarga,

Terima kasih atas satu lagi tulisan yang penuh ilmiah dan petunjuk kepada warga blog. Ya, samada kita suka atau tidak, ekonomi hari ini dikuasai oleh "negara2 maju" dan jika mereka membuat untung banyak, kita mungkin dapat untung sedikit walaupun pada hakikatnya kita akan rugi banyak. Mereka membuat undang-undang, kaedah perniagaan yang menguntungkan mereka dan menekan kita pada masa yang sama. Bila mereka rugi akibat sistem yang direka oleh mereka sendiri, kita juga yang dapat bukan setakat tempas, malah, air bah yang besar.

Mari kita ambil iktibar dengan tulisan Tun ini dan fikirkan cara untuk menukar fenomena ini. Orang Islam sudah ada sistem perniagaan, muamalah yang telah di ajar oleh Rasulullah, maka, inilah yang perlu kita buat iaitu kembali kepada syariat Islam.

Saya agak terkilan dengan sikap segelintir orang yang memandang serong terhadap tulisan-tulisan Tun

berkenaan ekonomi semasa dan perniagaan matawang. Kepada mereka ini, Tun tidak mengada-adakan cerita. Adakalanya kita kena belajar daripada pengalaman orang lain. Saya lahir selepas Merdeka, maka saya banyak mendengar cerita pengalaman datuk nenek serta ibu bapa saya yg melalui pahit maung hidup zaman penjajahan British, Perang Dunia ke-2, Bintang Tiga, pra merdeka, dll. Jangan kerana anda ada ijazah bergulung-gulung maka pandangan dan nasihat orang lain tak berguna.

Tun, teruskan perjuangan yang belum tamat ini.

By RawiAuthor Profile Page on May 14, 2009 12:03 PM

Tun yg berbahagia dan masih berbisa,

Isu besar negara kita sekarang ialah Perak dan Rampasan Kuasa. Tajuk Ekonomi yang Tun kemukan tidak urgent. Isu Perak boleh melumpuh dan menguburkan UMNO kecuali ianya ditangani dengan jujur dan Islamik. Ramai orang persoalkan tentang Najib Apa kata Tun? Ataupun 2 x 5 dengan Najib je? Saya respect T R yang menjelaskan pendiriannya ... Org macam T R layak menjadi PM... cepat menyatakan pendirian walaupun not very infavour of UMNO... Rakyat didahulukan. Cakap Najib... "rakyat didahulukan"... tapi yang Najib dilakukan ialah "wakil rakyat (UMNO) didahulukan". Surat khabar kata... "Kumar gila babi", TV1 kata "Nizar gila Talaq"... tapi rakyat TIDAK GILA nak makan surat khabar dan TV1... ini semua menjahanamkan ekonomi negara kita... Harap Tun nyatakan pendirian dan berikan nasihat melalui Che Det ni

By kamal ahmadAuthor Profile Page on May 14, 2009 1:10 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

It was Tun who had said "makan nasik berhenti masa tengah sedap". Very tough to do. Well, taking that honest failure of mine on to a wider scope – what Tun had meant to say was; over indulgence is never good. Politic could easily sway even the innocent into over indulgence. And any over indulgence is never a good thing. Other wise it won't get termed as an indulgence (immoderation). Going to something closer to my deal, recently Intel was slapped with USD1.45 billion anti-trust law penalty by the EU over unethical business conduct against American Micro Devices (AMD). For those who know, would be familiar with why AMD never quite match Intel out in the market. The saga has been there ever since the late 90's. But then again, these days you have anti-trust laws to fall back on. And it was the old America's Sherman Anti-Trust Law that set's the course into what it is globally today (Uncle Sam's delusional mental state of me holier than thou).

Does Malaysia need an "Anti-Trust Law"? Would this curtail unprincipled protectionism? But firstly, why exist protectionism? Well, simply to create a refuge zone for something of significant interest; could be national interest. But somehow protectionism carries with it a pre-defined practice of subtle discrimination and unfairness. Going back to national interest, anyone who goes against that is a traitor. There is simply no other justification to that really. But what if that national interest is overstepping its importance (could be fiscal importance) over the basic rights of a citizen(s)? The citizen rights in creating a safer environment to a descent living zone for him/herself in this country?

A brief interjection: What do we mean as a safer environment? It could be many things really; generally today the PDRM is doing a good job protecting us from the larger criminal definitions. We as citizens should say our appreciations to them for that service. The pay is almost peanuts, it's a service and they don't have to do it if they don't want to. So appreciate.

But my take on a safer environment for here and now is the one concerning the motoring industry in Malaysia. I have always believed that technology that has been created by humans must be used to benefit the human race. 2 points seat belt was invented in 1855 by Volvo and three point seat belt was invented in 1959 by Nils Bohlin of Volvo, and Volvo moved to equip all their vehicles with that device ever since. Volvo did not go and copyrighted that as their exclusive intellectual property. They set aside a massive financial opportunity in the concern for humanity: corporate humanity. And this is no Volvo commercial.

Over the years, the human race has accelerated in leaps and bounds in the automotive field. We have

